

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (LPP)**Pelanggan yang dihormati,**

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini disediakan dengan maklumat penting berkenaan dengan **Akaun Pelaburan e-Emas (eGIA)** anda.

Pelanggan lain telah membaca LPP ini dan mendapati ia membantu; **maka anda turut dikehendaki membacanya.**



Tarikh: 1 Jun 2026

Memahami Akaun Pelaburan e-Emas ("eGIA") anda

Akaun ini membolehkan anda membeli dan menjual komoditi emas tulen 99.9% dalam Ringgit Malaysia (RM), tanpa perlu menyimpan emas fizikal.

Akaun Pelaburan e-Emas ini

- **Aset dasar:** komoditi emas tulen 99.9%
- **Pembelian atau penjualan minimum:** 1 gram
- **Pembelian atau penjualan berikutan:** Dalam gandaan 1 gram
- **Harga emas:** Harga pembelian dan penjualan bagi setiap gram akan disebut harga oleh CIMB dalam Ringgit Malaysia (RM). Harga akan didasarkan atas faktor seperti keadaan pasaran semasa dunia dan tempatan untuk komoditi emas, kadar pertukaran antara Dolar Amerika Syarikat (atau mana-mana mata wang asing lain yang diguna pakai) dan RM dan ketulenan emas.
- **Bagi akaun dalam nama tunggal:**
 - Transaksi boleh dilakukan di cawangan CIMB Bank atau melalui laman web Clicks.
 - Untuk laman web Clicks, anda boleh membeli dan menjual sehingga jumlah maksimum 6,000 gram sehari, dengan setiap transaksi dihadkan kepada 300 gram.
- **Bagi akaun bersama :**
 - Transaksi mesti dilakukan di cawangan CIMB Bank. Pengendalian melalui laman web Clicks adalah tidak dibenarkan.
- **Waktu transaksi:**
 - Cawangan CIMB Bank: Pembelian dan penjualan emas boleh dilakukan dalam waktu perniagaan biasa Bank.
 - Laman web Clicks: Pembelian dan penjualan emas boleh dilakukan di antara pukul 8:30 pagi dan 11:30 malam, Isnin hingga Ahad, tidak termasuk cuti awam kebangsaan di Malaysia.

Anda seharusnya membaca dan memahami terma dan syarat produk ini

Tiada emas fizikal akan dikeluarkan di bawah akaun ini. Sebarang permintaan untuk deposit atau pengeluaran emas fizikal seperti jongkong emas, batang emas atau syiling tidak akan diterima.



Anda dikehendaki membuka dan mengekalkan akaun simpanan atau semasa dengan CIMB Bank atau CIMB Islamic Bank ("Akaun Gabungan Yang Ditetapkan") dan membenarkan Bank mendebit atau mengkredit Akaun Gabungan Yang Ditetapkan bagi penyelesaian pembelian atau penjualan emas anda.



Akaun ini boleh dibuka secara individu (oleh seorang) atau secara bersama (oleh dua atau tiga orang).



Anda perlu memaklumkan kami tentang apa-apa perubahan pada butir-butir hubungan anda pada masa yang terawal.

Anda perlu membayar Fi dan Caj berikut:-

Jenis Fi dan Caj	Amaun (RM)
Fi Perkhidmatan Tahunan	RM5.00 (sekiranya baki emas dalam eGIA jatuh lebih rendah daripada 5 gram pada 31 Disember)
Duti Setem	Merujuk Akta Setem 1949 (Semakan 1989)

Megetahui Risiko Anda dan Membuat Keputusan Secara Berinformasi

RISIKO	MANFAAT
Risiko Pasaran: Anda perlu memahami bahawa harga emas berfluktuasi, dan anda sedia menanggung risiko tidak manjana hasil dan menanggung kerugian. Anda juga memahami bahawa pelaburan ini tidak dijamin, bermakna jumlah yang dilaburkan dan sebarang pulangan adalah tidak dijamin. Penjualan/pembelian mungkin digantung akibat penggantungan bursa emas di Malaysia atau di mana-mana bidang kuasa lain. Risiko Tiada Faedah: Anda tidak akan menerima sebarang faedah kerana ini adalah akaun tanpa faedah. Risiko Perlindungan: Pelaburan anda tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM").	Kemampuan: Sesuai untuk pelanggan yang ingin mula melabur dalam emas dengan harga permulaan yang mampu milik. Kebolehcapaian: Jika anda pemegang akaun nama tunggal, anda boleh membeli dan menjual emas dengan mudah secara dalam talian melalui laman web CIMB Clicks. Peningkatan Modal: Sesuai bagi mereka yang ingin mendapat manfaat daripada potensi kenaikan harga emas dan membina kewangan jangka panjang.
Peringatan: Anda harus memahami dan mempertimbangkan semua faktor risiko dengan teliti sebelum membuat keputusan pelaburan.	Peringatan: Adalah penting untuk diingat bahawa manfaat mungkin berbeza bergantung kepada prestasi pasaran emas dan matlamat kewangan individu.

Terma Penting Yang Lain

Anda mesti membaca dan memahami Perjanjian Akaun Pelaburan e-Emas ("Perjanjian") sebelum membuat keputusan untuk melabur. Maklumat di bawah hanyalah ringkasan terma utama. Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut atau penjelasan, sila hubungi kami sebelum membuat keputusan pelaburan anda.

- Selepas pembelian permulaan emas (min. 1 gram), semua pesanan pembelian/penjualan berikutan (dalam gandaan 1 gram) tidak dapat dibatalkan. Bank boleh membatalkan, menarik balik, mengembalikan atau menolak sebarang pesanan yang melebihi had transaksi yang berkenaan.
- Anda boleh menutup eGIA anda di mana-mana cawangan CIMB Bank dengan menjual semua emas dalam akaun anda pada harga belian yang disebut harga oleh Bank pada masa jualan.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai akaun anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
+603 6204 7788



Layari laman web kami di:
www.cimb.com.my/egia



Emel kami di:
contactus@cimb.com

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan faham tentang apa yang anda tandatangani.

☐

Saya mengakui bahawa CIMB Bank Berhad telah memberikan saya satu salinan Lembaran Pendedahan Produk.

☐

Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung di dalam Lembaran Pendedahan Produk ini.

*Persetujuan pelanggan terhadap Lembaran Pendedahan Produk ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku pertikaian kemudian mengenai terma dan syarat produk.

Nama:

Tarikh:

AMARAN: AKAUN PELABURAN e-EMAS ("eGIA") BUKAN PRODUK YANG DILINDUNGI JUMLAH PRINSIPALNYA DAN BUKAN AKAUN YANG DIBERIKAN FAEDAH. PULANGAN TERHADAP eGIA BERGANTUNG KEPADA TURUN NAIK HARGA EMAS, PULANGAN TERHADAP PELABURAN EMAS ANDA ADALAH TIDAK PASTI DAN ANDA MENANGGUNG RISIKO TIDAK MEMPEROLEHI APA-APA PULANGAN DAN/ATAU KEMUNGKINAN MENANGGUNG KERUGIAN. ANDA DINASIHATKAN AGAR MEMBACA DAN MEMAHAMI KANDUNGAN PERJANJIAN AKAUN PELABURAN e-EMAS CIMB BANK DAN MEMBUKA eGIA BERDASARKAN PERTIMBANGAN ANDA SENDIRI DAN/ATAU NASIHAT BEBAS YANG DIPEROLEHI. PRODUK INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.